



# KENYATAAN AKHBAR

*Untuk siaran segera*

## MAJLIS PELANCARAN PROGRAM FAST TRACK: ISO 37001 SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH (ABMS) – KE ARAH PENSIJILAN

**SHAH ALAM, 15 Julai 2025** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), SIRIM Berhad dan Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM) melancarkan Program Fast Track: ISO 37001 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) – Ke Arah Pensijilan pada hari ini bertempat di SIRIM Berhad, Shah Alam. Inisiatif strategik ini dirancang bagi mempercepatkan pelaksanaan dan pensijilan ISO 37001:2025 dalam kalangan kontraktor G7 industri pembinaan, selaras dengan usaha meningkatkan tadbir urus beretika dan memperkukuh kawalan anti-rasuah.

Selaras dengan arahan kerajaan yang mewajibkan pensijilan ISO 37001 bagi syarikat yang ingin membida projek awam bernilai lebih RM100 juta bermula 2026 hingga 2027, program ini menawarkan bimbingan intensif dan berstruktur bagi membantu syarikat memenuhi keperluan tersebut. Program ini merupakan langkah penting dalam memperkukuh integriti industri, membina keyakinan awam dan menyediakan hala tuju jelas ke arah pematuhan.

Dalam ucapan Pengerusi CIDB Malaysia, Ir. Haji Yusuf bin Haji Abd. Wahab menyeru agar kontraktor G7 tidak menunggu saat akhir untuk menyertai program ini, kerana penyertaan awal membolehkan penyesuaian dalaman dilaksanakan dengan lebih lancar dan meningkatkan kebolehpercayaan dalam kalangan rakan strategik.

CIDB sendiri telah memperoleh pensijilan ABMS sejak 2020 yang meliputi fungsi utama termasuk pendaftaran kontraktor, pengurusan levi, penguatkuasaan dan pendaftaran personel binaan. Pengalaman ini memperkukuh keupayaan dalaman CIDB dalam menangani risiko integriti dan menjadi asas kepada pembangunan program Fast Track ini. Tambahan lagi, CIDB turut memperkasa sistem SCORE (Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor) dengan memberikan markah tambahan kepada syarikat yang memiliki pensijilan ABMS, sekali gus meningkatkan daya saing dalam pasaran perolehan.

CIDB turut menggesa agensi pelaksana kerajaan, syarikat milik kerajaan (GLC) dan pemilik projek swasta untuk menjadikan integriti sebagai kriteria utama dalam pemilihan rakan pelaksana dan bukan hanya berdasarkan harga atau kelayakan teknikal.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SIRIM Berhad, Dato' Indera Ir. Dr. Ahmad Sabirin Arshad melalui anak syarikatnya, SIRIM Academy dan SIRIM QAS International, memainkan peranan utama dalam mempertingkatkan kesedaran serta pelaksanaan ABMS. Sehingga kini, 92 syarikat telah menerima latihan daripada SIRIM Academy, manakala 258 organisasi telah memperoleh pensijilan daripada SIRIM QAS sejak skim ini diperkenalkan pada 2017 — satu pencapaian yang mencerminkan komitmen tinggi terhadap integriti dalam kalangan pemain industri. Turut hadir bersama Ketua Pegawai Eksekutif, SIRIM Academy Sdn. Bhd, Nik Sazali Nik Hussin dan Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Zainora Zainal.

Sementara itu, MBAM menyatakan rasa bangga dapat bekerjasama dengan CIDB dan gembira menjalin kerjasama dengan SIRIM dalam mempromosikan ISO 37001:2025 melalui program ini. Inisiatif ini mencerminkan komitmen bersama untuk memperkukuh

integriti dan ketelusan dalam industri pembinaan, sejajar dengan Seksyen 17A Akta SPRM. Ia juga memperkasakan kontraktor, khususnya Gred G7, dengan keupayaan melaksanakan langkah-langkah anti-rasuah yang menyeluruh.

MBAM turut menggalakkan ahli dan pemain industri merebut peluang ini bagi meningkatkan pematuhan, mengukuhkan kelayakan dalam proses pembidaan serta membina keyakinan pihak berkepentingan melalui pengamalan ISO 37001:2025 secara menyeluruh.

Untuk maklumat lanjut sila layari **[www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my)**.

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---

### **Mengenai SIRIM Berhad**

SIRIM Berhad, anak syarikat Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri adalah organisasi peneraju bagi penyelesaian teknologi dan kualiti yang memberi tumpuan kepada Penyelidikan Perindustrian, Pembangunan Teknologi dan Pengkomersilan; Pensijilan, Pengujian dan Pemeriksaan; Pengukuran dan Penentukuran; Latihan; Penyelidikan dan Pembangunan Standard; Keusahawanan berasaskan Teknologi; dan Perundingan Reka Bentuk.

Untuk maklumat lanjut sila layari **[www.sirim.my](http://www.sirim.my)**.

---

### **Mengenai MBAM**

Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM), yang ditubuhkan pada 1954, mewakili lebih 18,000 ahli secara langsung dan tidak langsung, merangkumi syarikat korporat, persatuan gabungan serta syarikat berkaitan industri pembinaan. MBAM ialah ahli International Federation of Asian and Western Pacific Contractors' Associations (IFAWPCA) dan Building Industry Presidents' Council (BIPC), dan ASEAN Constructors Federation (ACF). Berpandukan visinya untuk menjadi Penggerak Utama dan Suara yang Diiktiraf bagi Industri Pembinaan Malaysia, MBAM terus memainkan peranan penting dalam memajukan kepentingan dan standard sektor pembinaan negara.

Untuk maklumat lanjut sila layari **[www.mbam.org.my](http://www.mbam.org.my)**

#####